

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

SOALAN NO. 514

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil daripada cukai pendapatan individu dan syarikat bagi setiap negeri dan wilayah persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menerima cukai pendapatan individu dan syarikat adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai. Oleh itu, jumlah kutipan hasil cukai pendapatan individu dan syarikat yang dibayar kepada LHDNM di peringkat negeri tidak menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Pecahan kutipan hasil daripada cukai pendapatan individu dan syarikat bagi setiap negeri, wilayah persekutuan dan cawangan untuk tahun 2017 adalah seperti berikut:

Negeri / Persekutuan	Wilayah	Cukai Pendapatan Individu 2017 (RM)	Cukai Pendapatan Syarikat 2017 (RM)
Perlis		87,398,466	33,158,997
Kedah		505,715,088	522,092,500
Pulau Pinang		2,465,663,219	2,090,374,070
Perak		1,208,542,571	1,064,038,850
Selangor		6,245,537,653	4,051,982,928
Negeri Sembilan		661,534,368	288,698,516
Melaka		649,013,144	625,620,873
Johor		2,588,311,750	3,014,075,579
Pahang		536,981,172	483,355,502
Terengganu		333,183,033	144,820,509
Kelantan		269,884,636	123,506,558
Sarawak		1,647,410,853	3,102,809,492
Sabah		1,164,421,622	2,436,243,742
W.P. Kuala Lumpur		7,820,952,454	3,428,712,956
W.P. Putrajaya		4,387,384,724	2,738,116,292
Cawangan Pembayar Cukai Besar		1,329,631,623	24,352,678,489
Cawangan Multinasional	Cukai	-	7,632,757,453
Cawangan Industri Khas		-	12,668,895,246
Jumlah Keseluruhan		31,901,566,376	68,801,938,552

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan, Perkara 97 Kumpulan Wang Disatukan perenggan (1), segala hasil dan wang termasuk hasil cukai pendapatan individu dan syarikat yang dikutip melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan sebelum diagihkan berdasarkan tahap pembangunan sesuatu negeri untuk memastikan kemajuan yang menyeluruh.